Nama: ____________________ Kelas: ____________ Tarikh: ____________

# Praktis Ekstra Pelajaran 1 Mukmin yang Bertakwa

Susun semula potongan ayat menjadi susunan yang betul bagi ayat satu hingga lima surah al-Baqarah.

وَٱلَّذِينَ يُؤۡمِنُونَ بِمَآ أُنزِلَ إِلَيۡكَ وَمَآ أُنزِلَ مِن قَبۡلِكَ وَبِٱلۡأٓخِرَةِ هُمۡ يُوقِنُونَ ◯

أُوْلَٰٓئِكَ عَلَىٰ هُدٗى مِّن رَّبِّهِمۡۖ وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡمُفۡلِحُونَ ◯

الٓمٓ ◯

ٱلَّذِينَ يُؤۡمِنُونَ بِٱلۡغَيۡبِ وَيُقِيمُونَ ٱلصَّلَوٰةَ وَمِمَّا رَزَقۡنَٰهُمۡ يُنفِقُونَ ◯

ذَٰلِكَ ٱلۡكِتَٰبُ لَا رَيۡبَۛ فِيهِۛ هُدٗى لِّلۡمُتَّقِينَ ◯

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Nama: ____________ Kelas: ____________ Tarikh: ____________

# Praktis Ekstra Pelajaran 2 Memohon Kebahagiaan Hakiki

Senaraikan ciri-ciri orang yang bertakwa di dalam peta minda di bawah.




© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Nama: ____________________ Kelas: ____________ Tarikh: ____________

# Praktis Ekstra Pelajaran 3 Maha Suci Allah SWT

Senaraikan inti sari ayat 255 hingga 257 dari surah al-Baqarah di dalam peta buih di bawah.




© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Nama: ____________________ Kelas: ____________________ Tarikh: ____________________

# Praktis Ekstra Pelajaran 4 Allah SWT Penguasa Mutlak

**1.** Susun semula potongan ayat menjadi susunan yang betul bagi ayat 284 surah al-Baqarah.

| | |
|---|---|
| وَإِن تُبۡدُواْ مَا فِيٓ أَنفُسِكُمۡ أَوۡ تُخۡفُوهُ يُحَاسِبۡكُم بِهِ ٱللَّهُۖ | |
| لِّلَّهِ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِۗ | |
| وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٌ | |
| فَيَغۡفِرُ لِمَن يَشَآءُ وَيُعَذِّبُ مَن يَشَآءُۗ | |

**2.** Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul berkaitan inti sari ayat 284 hingga 286 surah al-Baqarah dan (✗) bagi yang salah.

(a) Segala yang ada di langit dan di bumi milik Allah SWT dan rasul-Nya.

(b) Amalan zahir ialah amalan yang dilakukan oleh anggota badan seperti ikhlas.

(c) Semua rasul mempunyai akidah tauhid yang sama.

(d) Setiap perbuatan manusia akan dihisab.

(e) Kejahatan dan kebaikan akan dibalas dengan kebaikan.

(f) Allah SWT tidak membebankan hamba-Nya dengan amalan yang tidak mampu dilakukan.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Nama: ____________________ Kelas: ____________ Tarikh: ____________

# Praktis Ekstra Pelajaran 5 Indahnya Tajwid

Senaraikan huruf hijaiyah pada makhrajnya dengan betul.




© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Nama: ________________ Kelas: ________________ Tarikh: ________________

# Praktis Ekstra Pelajaran 6 Segala Puji Bagi Allah

**1.** Bulatkan jawapan yang betul bagi melengkapkan terjemahan ayat 1 hingga 7 surah al-Fatihah.

(a) Dengan nama Allah SWT yang Maha Pemurah lagi Maha ________________ .

**A** Pengampun **B** Mengasihani

(b) Segala puji tertentu bagi Allah SWT, Tuhan yang ________________ dan mentadbirkan sekalian alam.

**A** Menguasai **B** Memelihara

(c) Yang Maha Pemurah lagi Maha ________________.

**A** Mengasihani **B** Pengampun

(d) Yang menguasai pemerintahan hari ________________(hari akhirat).

**A** penentuan **B** pembalasan

(e) Hanya kepada Engkau (Ya Allah) kami sembah, dan hanya kepada Engkau kami memohon ________________.

**A** pertolongan **B** belas kasihan

(f) Tunjukilah kami jalan yang ________________.

**A** lurus **B** mudah

(g) Iaitu jalan orang yang Engkau kurniakan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) orang yang Engkau murkai, dan bukan pula (jalan) orang yang ________________.

**A** sedih **B** sesat

**2.** Nyatakan maksud bagi perkataan di bawah.

| | Perkataan | Maksud |
|---|---|---|
| (a) | ٱلرَّحۡمَٰنِ | |
| (b) | ٱلرَّحِيمِ | |
| (c) | ٱلۡحَمۡدُ لِلَّهِ | |
| (d) | ٱلدِّينِ | |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Nama: ____________________ Kelas: ____________ Tarikh: ____________

# Praktis Ekstra Pelajaran 7 Iblis dan Syaitan yang Durjana

**1.** Jawab soalan berikut berkaitan ketaatan malaikat dan penderhakaan iblis.

| Soalan | Jawapan |
|---|---|
| (a) Siapakah makhluk ciptaan Allah SWT yang paling taat? | |
| (b) Apakah hubungaan malaikat dengan Allah SWT? | |
| (c) Mengapakah malaikat tidak melanggar perintah Allah SWT? | |
| (d) Bilakah ibllis patuh pada perintah Allah SWT? | |
| (e) Mengapakah iblis enggan tunduk kepada Nabi Adam a.s? | |

**2.** Padankan makhluk ciptaan Allah SWT dengan penerangan berkaitannya di bawah.

(A) Manusia (B) Malaikat (C) Iblis

(a) Penciptaannya daripada api. ☐

(b) Sentiasa tunduk dan patuh kepada perintah Allah SWT. ☐

(c) Berusaha menimbulkan perasaan riyak apabila manusia beramal. ☐

(d) Sentiasa terpedaya dengan tipu muslihat syaitan. ☐

(e) Allah SWT melarang Nabi Adam a.s menghampiri sejenis pohon. ☐

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Nama: ______________________ Kelas: ______________ Tarikh: ______________

# Praktis Ekstra Pelajaran 8 Sabar Menghadapi Dugaan Kehidupan

**1.** Senaraikan **lima** musibah yang ditimpa ke atas manusia berdasarkan surah al-Baqarah ayat 155.

(a)

(b)

(c)

(d)

(e)

**2.** Lengkapkan peta bulatan di bawah dengan cara anda menghadapi musibah.

Guru

Buku teks

**1** ______________________

______________________

**2** ______________________

______________________

**Cara menghadapi musibah**

**3** ______________________

______________________

**4** ______________________

______________________

Ibu bapa

Internet

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Nama: ______________________ Kelas: ______________ Tarikh: ____________

# Praktis Ekstra Pelajaran 9 Makanan Halal Lagi Baik

**1.** Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (✗) pada pernyataan yang salah. Kemudian, nyatakan jawapan yang betul.

| | Pernyataan | (✓) / (✗) | Jawapan yang betul |
|---|---|---|---|
| (a) | Allah SWT menyuruh kita makan makanan yang halal dan baik untuk memelihara **kesihatan** dan badan daripada kemudaratan. | | |
| (b) | Makanan haram adalah makanan yang **dibenarkan** oleh syarak. | | |
| (c) | Hati menjadi keras, doa tidak mustajab dan **kasar** peribadi antara akibat pengambilan makanan yang haram. | | |
| (d) | Makanan yang baik adalah makanan yang bersih, berkhasiat, seimbang dan mengikut **kehendak**. | | |
| (e) | Mencari makanan yang halal adalah **wajib** bagi setiap umat Islam. | | |
| (f) | Umat Islam perlu **berwaspada** dengan hasutan syaitan yang mendorong untuk memakan makanan yang haram. | | |

**2.** Padankan aspek bagi ciri makanan haram di bawah.

| | Aspek | | | Ciri Makanan Haram |
|---|---|---|---|---|
| (a) | Kandungan | • | • | Bahan yang haram dimakan. |
| (b) | Bahan | • | • | Disimpan di tempat yang kotor. |
| (c) | Kebersihan | • | • | Makanan yang memudaratkan tubuh badan. |
| (d) | Sumber | • | • | Bercampur dengan najis dan kotoran. |
| (e) | Kesihatan | • | • | Binatang yang tidak disembelih atau disembelih tidak menyebut nama Allah SWT. |
| (f) | Proses | • | • | Diperoleh dengan cara yang haram. |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Nama: ____________________ Kelas: ____________ Tarikh: ____________

# Praktis Ekstra Pelajaran 10 Hadis Sumber Hukum

Lengkapkan peta buih berganda di bawah berkaitan perbandingan antara al-Quran dan hadis.




© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Nama: ______________________ Kelas: ______________ Tarikh: ______________

# Praktis Ekstra Pelajaran 11 Ikhlas dalam Kehidupan

Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai.

| | | | |
|---|---|---|---|
| diniatkan | Sum'ah | pujian | Menguar-uarkan |
| istiqamah | zahir | batin | menyekutukannya |
| darjat | keredaan | diberkati | |

1. Ikhlas dari segi istilah bermaksud segala amalan ______________ dan ______________ yang dilakukan semata-mata mengharapkan ______________ Allah SWT tanpa ______________ dengan sesuatu yang lain.

2. Sifat yang bertentangan dengan ikhlas ialah riyak, ujub dan ______________ .

3. Orang yang ikhlas tidak mengharapkan ______________ serta tidak akan mengungkit kebaikan yang telah dilakukannya.

4. Sentiasa sabar dan tabah serta ______________ melakukan sesuatu pekerjaan merupakan ciri-ciri orang yang ikhlas dalam amalannya.

5. Ciri-ciri orang yang tidak ikhlas adalah sentiasa mengharapkan pujian dan ______________ amalan yang dilakukannya.

6. Orang yang ikhlas melaksanakan sesuatu amalan, hidupnya akan sentiasa ______________ , tenang dan tenteram selain memperoleh ______________ yang tinggi di sisi Allah SWT.

7. Semua amalan baik yang ______________ kerana Allah akan mendapat ganjaran yang baik.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Nama: ______________________ Kelas: ______________ Tarikh: ____________

# Praktis Ekstra Pelajaran 12 Jihad dalam Islam

Padankan jenis jihad dengan pernyataan yang diberi.

(A) Jihad ilmu (B) Jihad ekonomi (C) Jihad berdakwah

**1.** Amar makruf dan nahi mungkar. [ ]

**2.** Belajar bersungguh-sungguh dengan niat yang ikhlas untuk beramal dan berbakti kepada orang lain. [ ]

**3.** Membahagikan sumber secara adil. [ ]

**4.** Sanggup mempertahankan hukum Allah SWT. [ ]

**5.** Berusaha untuk menguasai sistem ekonomi Islam dan meningkatkan taraf ekonomi negara. [ ]

**6.** Sanggup berkorban untuk Islam. [ ]

**7.** Sanggup menyebarkan ilmu kepada sesiapa sahaja. [ ]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Nama: ______________________ Kelas: ______________ Tarikh: ______________

# Praktis Ekstra Pelajaran 13 Islam Agama Fitrah

**1.** Nyatakan ketetapan Allah SWT terhadap kehendak manusia berdasarkan larangan-Nya di bawah.

(a) Larangan berzina untuk menjaga nasab keturunan → ______________

(b) Larangan amalan riba menghindar penindasan → ______________

(c) Larangan minum arak memelihara kewarasan fikiran → ______________

(d) Larangan berjudi, rasuah dan mencuri → ______________

**2.** Padankan ciri-ciri Islam sebagai agama fitrah.

(a) Rabbaniyah

(b) Waqiiyah

(c) 'Alamiyah

(d) Ukhrawiyah

- Islam bukan sahaja mementingkan kesejahteraan jasmani, malah menjamin kesejahteraan rohani bagi mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat
- Agama yang bersumberkan wahyu suci Allah SWT iaitu daripada al-Quran dan hadis
- Agama yang sesuai diamalkan di semua tempat dan sepanjang zaman
- Agama yang sesuai diamalkan oleh semua bangsa dan budaya

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Nama: ____________________ Kelas: ____________ Tarikh: ____________

# Praktis Ekstra Pelajaran 14 Akidah Islam

**1.** Isi tempat kosong berkaitan dua sumber utama akidah.

(a) Al-Quran

قُلۡ هُوَ ٱللَّهُ أَحَدٌ ١ ٱللَّهُ ٱلصَّمَدُ ٢ لَمۡ يَلِدۡ وَلَمۡ يُولَدۡ ٣ وَلَمۡ يَكُن لَّهُۥ كُفُوًا أَحَدُۢ ٤

(Surah al-Ikhlas: 1 – 4)

**Maksudnya:** Katakanlah (Wahai Muhammad) dialah Allah SWT yang ____________. Allah SWT tempat ____________ (tempat memohon segala hajat). Tidak beranak dan tidak ____________. Dan tidak ada sesuatu pun yang ____________ dengan-Nya.

(b) Hadis

Abu Malik r.a. berkata bahawa aku mendengar Rasulullah SAW bersabda, "Sesiapa yang mengucapkan kalimah ____________ (tiada Tuhan melainkan Allah SWT) dan mengingkari peribadatan kepada selain ____________, haramlah hartanya dan ____________ (daripada diambil) dan hanya Allah SWT yang berhak ____________ ).

(*Riwayat Muslim*)

**2.** Jawab soalan berikut.

| Soalan | Jawapan |
|---|---|
| (a) Apakah kepercayaan akidah yang salah? | |
| (b) Apakah sumber akidah yang benar? | |
| (c) Apakah amalan akidah yang benar? | |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Nama: ____________________ Kelas: ______________ Tarikh: ______________

# Praktis Ekstra Pelajaran 15 Beriman Kepada Allah SWT

Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai.

| | |
|---|---|
| **Beriman kepada Allah** | Beriman kepada Allah ialah mempercayai bahawa Allah yang Maha Esa ______________ dan Maha Berkuasa serta memiliki sifat-sifat ______________. |
| **Beriman kepada Rasul** | Beriman kepada rasul ialah mempercayai bahawa Allah mengutuskan rasul-rasul-Nya untuk ______________ manusia ke jalan yang benar. |
| **Beriman kepada Malaikat** | Beriman kepada malaikat ialah mempercayai malaikat adalah makhluk Allah yang dijadikan daripada nur (cahaya) dan ______________ perintah Allah tanpa berbelah bahagi. |
| **Beriman kepada Kitab** | Beriman kepada kitab ialah mempercayai bahawa Allah telah ______________ kitab kepada rasul-rasul-Nya untuk membimbing manusia ke jalan yang benar. |
| **Beriman kepada Hari Kiamat** | Beriman kepada hari kiamat ialah mempercayai bahawa alam ini akan hancur binasa dan manusia akan ______________ daripada kubur, dihimpunkan di padang ______________ dan dimasukkan ke dalam syurga atau neraka. |
| **Beriman kepada Qadak dan Qadar** | Beriman kepada qadak dan qadar ialah mempercayai bahawa Allah telah ______________ segala yang berlaku di alam ini dengan penuh kebijaksanaan dan ______________-Nya. |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Nama: ______________________ Kelas: ______________ Tarikh: ______________

# Praktis Ekstra Pelajaran 16

## Al-Khaliq dan Al-Musawwir

Lengkapkan nama-nama Allah di bawah.

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| المومن<br>Al-Mu'min | | القدوس<br>Al-Quddus | | | | اللّٰه<br>Allah |
| | البارى<br>Al-Bari | | المتكبر<br>Al-Mutakabbir | الجبار<br>Al-Jabbar | العزيز<br>Al-A'ziz | المهيمن<br>Al-Muhaimin |
| القابض<br>Al-Qabid | | الفتاح<br>Al-Fattah | | الوهاب<br>Al-Wahhab | القهار<br>Al-Qahhar | الغفار<br>Al-Ghaffar |
| البصير<br>Al-Basir | السميع<br>Al-Sami' | المذل<br>Al-Muzill | المعز<br>Al-Muizz | الرافع<br>Ar-Rafi' | الخافض<br>Al-Khafid | |
| الغفور<br>Al-Ghafur | العظيم<br>Al-A'zim | | الخبير<br>Al-Khabir | اللطيف<br>Al-Latif | العدل<br>Al-Adl | الحكم<br>Al-Hakam |
| | الحسيب<br>Al-Hasib | المقيت<br>Al-Muqit | الحفيظ<br>Al-Hafiz | الكبير<br>Al-Kabir | العلى<br>Al-A'liy | الشكور<br>Ash-Shakur |
| المجيد<br>Al-Majid | الودود<br>Al-Wadud | | الواسع<br>Al-Wasi' | المجيب<br>Al-Mujib | الرقيب<br>Ar-Raqib | |
| الولى<br>Al-Waliy | | القوى<br>Al-Qawiy | الوكيل<br>Al-Wakil | الحق<br>Al-Haq | | الباعث<br>Al-Bai'th |
| الحى<br>Al-Hay | المميت<br>Al-Mumit | المحي<br>Al-Muhyi | المعيد<br>Al-Mu'id | المبدىء<br>Al-Mubdi | المحصى<br>Al-Muhsi | |
| المقتدر<br>Al-Muqtadir | القادر<br>Al-Qadir | | الواحد<br>Al-Wahid | الماجد<br>Al-Majid | الواجد<br>Al-Wajid | القيوم<br>Al-Qayyum |
| | الباطن<br>Al-Batin | الظاهر<br>Az-Zahir | الاخر<br>Al-Aakhir | الاول<br>Al-Awwal | الموءخير<br>Al-Muakhkhir | المقدم<br>Al-Muqaddim |
| مالك الملك<br>Malik-ul-mulk | الرؤوف<br>Ar-Raoof | العفو<br>Al-'Afuw | المنتقم<br>Al-Muntaqim | | البر<br>Al-Barr | المتعالي<br>Al-Muta'ali |
| الضار<br>Ad-Daar | المانع<br>Al-Mani' | المغنى<br>Al-Mughniy | الغنى<br>Al-Ghaniy | الجامع<br>Al-Jami' | المقسط<br>Al-Muqsit | ذواجلال والاكرام<br>Zuljalali walikram |
| الرشيد<br>Ar-Rashid | | الباقي<br>Al-Baqi | البديع<br>Al-Badi' | الهادى<br>Al-Hadi | النور<br>An-Nuur | النافع<br>An-Nafi' |
| | | | | | الصبور<br>As-Sobur | |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Nama: ____________________ Kelas: ____________ Tarikh: ____________

# Praktis Ekstra Pelajaran 17 Konsep Ibadat dan Jenis Hukum

**1.** Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai.

**Ibadat Umum**

Segala ibadat atau amalan yang meliputi segala aspek ____________ sama ada ianya berkaitan dengan hubungan ____________ atau hubungan dengan ____________ dan ianya tidak bertentangan dengan tuntutan ____________ .

**Ibadat Khusus**

Ibadat yang telah ditetapkan oleh ____________ dari segi cara, ____________ dan ____________ serta ____________ .

**2.** Padankan jenis hukum bagi amalan yang dinyatakan di bawah.

| | |
|---|---|
| A | Wajib |
| B | Sunat |
| C | Harus |
| D | Makruh |
| E | Haram |

(a) Mentaati kedua-dua ibu bapa. [ ]

(b) Bercucuk tanam dan beriadah. [ ]

(c) Melewat-lewatkan mandi wajib. [ ]

(d) Penyalahangunaan dadah, mencuri dan merompak. [ ]

(e) Berzikir pagi dan petang serta membaca surah kursi sebelum tidur. [ ]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Nama: ______________________ Kelas: ______________ Tarikh: ______________

# Praktis Ekstra Pelajaran 18 Bersuci Asas Kebersihan

**1.** Lengkapkan abjad di bawah berkaitan dengan jenis-jenis air.

(a) A I R M U _ _ N _ _ _ I S

(b) A I R M U _ _ A _ M _ S

(c) A I R M U _ _ A _ M _ L

(d) A I R M U _ _ A _

**2.** Kelaskan jenis air berdasarkan pernyataan yang diberi.

(a) Air yang boleh digunakan selain daripada bersuci.

(b) Air ini tidak sah digunakan untuk bersuci dan tidak boleh diminum.

(c) Air yang digunakan untuk mandi wajib dan membersihkan pakaian yang terkena najis.

(d) Air yang disimpan di dalam bekas logam serta terdedah kepada cahaya matahari.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Nama: ____________________ Kelas: ____________ Tarikh: ____________

# Praktis Ekstra Pelajaran 19 Suci daripada Najis

Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan (✗) bagi yang salah.

1. Najis mukhaffafah ialah najis ringan, iaitu air kencing kanak-kanak lelaki berumur kurang dua tahun yang hanya minum susu ibu. [ ]

2. Najis mughallazah ialah najis pertengahan seperti darah, muntah, nanah, tahi, air kencing dan bangkai. [ ]

3. Cara menyucikan najis mutawassitah ialah buang najis, kemudian basuh tempat yang terkena najis dengan mengalirkan air dan pastikan hilang bau, rasa dan warna. [ ]

4. Najis mughallazah perlu dibersihkan dengan menggunakan satu basuhan air tanah dan enam basuhan air mutlak. [ ]

5. Samak ialah proses menghilangkan segala lendir, daging dan kelembapan yang melekat pada bulu haiwan. [ ]

6. Proses terakhir semasa menyamak kulit haiwan adalah gosok kulit dengan bahan yang disediakan (samak). [ ]

7. Kulit binatang disamak dapat dijadikan bahan komersial bagi meningkatkan ekonomi negara. [ ]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Nama: ____________________ Kelas: ____________ Tarikh: ____________

# Praktis Ekstra Pelajaran 20 Istinjak Suatu Tuntutan

Jawab soalan berikut berkaitan istinjak.

| | Soalan | Jawapan |
|---|---|---|
| **1.** | Apakah istinjak? | |
| **2.** | Apakah hukum beristinjak? | |
| **3.** | Apakah alat-alat beristinjak? | |
| **4.** | Apakah alatan yang haram digunakan untuk beristinjak? | |
| **5.** | Berikan dua kepentingan beristinjak. | (i)<br>(ii) |
| **6.** | Berikan tiga adab qada hajat. | (i)<br>(ii)<br>(iii) |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Nama: ____________________ Kelas: ____________ Tarikh: __________

# Praktis Ekstra Pelajaran 21

## Wuduk dan Syarat Kesempurnaannya

Susun (1 – 13) rukun wuduk mengikut urutan yang betul.

**1.** Tertib ☐

**2.** Membaca doa ☐

**3.** Menyapu kepala ☐

**4.** Membasuh muka ☐

**5.** Berkumur-kumur ☐

**6.** Membaca Basmalah ☐

**7.** Menyapu kedua-dua telinga ☐

8. Mengeluarkan air dari hidung ☐

**9.** Membasuh dua tangan hingga siku ☐

**10.** Membasuh kaki hingga ke buku lali ☐

**11.** Niat berwuduk ketika membasuh muka ☐

**12.** Membasuh dua tangan hingga pergelangan tangan ☐

**13.** Memasukkan air dan menyedutnya ke dalam hidung ☐

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Nama: ____________________ Kelas: ____________ Tarikh: ____________

# Praktis Ekstra Pelajaran 22 Mandi Wajib Penyuci Diri

Lengkapkan peta alir di bawah berkaitan dengan langkah-langkah mandi wajib.

Lafaz niat:

نَوَيْتُ رَفْعَ الْحَدَثِ الأَكْبَرِ لِلَّهِ تَعَالَى

"Sahaja aku mengangkat hadas besar kerana Allah SWT"

1. 
2. Ratakan air keseluruh anggota badan, kulit dan rambut.
3. 
4. 
5. Membersihkan tangan dengan air.
6. 
7. Dahulukan menjirus air ke anggota badan sebelah kanan.
8. 
9. Gosok badan berturut-turut antara basuhan anggotanya.
10. 

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Nama: ____________________ Kelas: ______________ Tarikh: ____________

# Praktis Ekstra Pelajaran 23 Solat Mercu Kejayaan

Padankan jenis rukun solat di bawah dengan betul.

| | |
|---|---|
| A | Rukun qabli |
| B | Rukun qauli |
| C | Rukun fi'ili |

**1.** Niat ☐

**2.** Berdiri bagi yang mampu ☐

**3.** Takbiratulihram ☐

**4.** Membaca surah al-Fatihah ☐

**5.** Rukuk serta tamakninah ☐

**6.** Iktidal serta tamakninah ☐

**7.** Sujud serta tamakninah ☐

8. Duduk antara dua sujud serta tamakninah ☐

**9.** Duduk ketika membaca tahiyat akhir ☐

**10.** Membaca tahiyat akhir ☐

**11.** Berselawat kepada Nabi Muhammad SAW dalam tahiyat akhir ☐

**12.** Memberi salam yang pertama ☐

**13.** Tertib ☐

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Nama: ______________________ Kelas: ______________ Tarikh: ______________

# Praktis Ekstra Pelajaran 24 Riwayat Hidup Nabi Muhammad SAW

**1.** Lengkapkan biodata Nabi Muhammad SAW di bawah.

| | |
|---|---|
| **Nama:** ______________________ | 4. ______________________ |
| ______________________ | 5. ______________________ |
| **Gelaran:** ______________________ | 6. ______________________ |
| **Tarikh lahir:** ______________________ | 7. ______________________ |
| **Tempat lahir:** ______________________ | 8. ______________________ |
| **Nama Ibu:** ______________________ | 9. ______________________ |
| **Ibu susuan:** 1. ______________________ | 10. ______________________ |
| 2. ______________________ | 11. ______________________ |
| **Pengasuh:** 1. ______________________ | 12. ______________________ |
| 2. ______________________ | **Anak:** |
| **Isteri:** | ______________________ |
| 1. ______________________ | ______________________ |
| 2. ______________________ | **Tarikh wafat:** ______________________ |
| 3. ______________________ | ______________________ |

**2.** Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai berkaitan peristiwa Israk dan Mikraj Nabi Muhammad SAW.

**Peristiwa Israk dan Mikraj**

→ Nabi Muhammad SAW telah dibawa dari ______________ di Mekah ke ______________ di Palestin pada waktu itu.

→ Dalam perjalanan, baginda ditunjukkan dengan bermacam-macam gambaran yang akan menimpa umat baginda.

→ Baginda menjadi imam kepada para nabi di ______________.

→ Baginda telah dibawa merentas tujuh lapisan langit sehingga ______________.

→ Baginda menghadap Allah SWT dan ______________________.

→ Baginda telah turun ke Mekah sebelum waktu subuh dan menceritakan pengalamannya kepada seluruh ______________.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Nama: ______________________ Kelas: ______________ Tarikh: ______________

# Praktis Ekstra Pelajaran 25 Era Masyarakat Jahiliah

Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai berkaitan agama masyarakat Arab sebelum kerasulan Nabi SAW.

**1.** Agama Yahudi

- Agama Yahudi iaitu agama ______________ yang diubah suai daripada ajaran Nabi ______________ mengikut keinginan para penganutnya.
- Banyak membuat fitnah kepada para nabi dan ______________ ajaran Nabi Muhammad SAW.
- Berasal daripada ______________ ke negara Arab.

**2.** Agama Nasrani

- Berasal dari Habsyah dan ______________.
- Agama yang diubahsuai daripada ajaran Nabi ______________ dan mempercayai bahawa Nabi Isa a.s adalah ______________ Tuhan.
- Mempunyai tempat ibadat di ______________ untuk bersaing dengan populariti Kaabah di Mekah.

**3.** Agama Hanif

- Agama yang dibawa oleh Nabi Ibrahim a.s dan Nabi ______________.
- Mereka melakukan sembahyang pada waktu ______________ dan ______________, menunaikan haji dan ______________.
- Agama ini ialah agama ______________ sama seperti agama Islam.

**4.** Agama Penyembah Berhala

- Diperkenalkan oleh pemimpin ______________ iaitu Amru bin Amir bin Luhai.
- Ajaran ini dibawa dari negeri Syam, beliau telah membawa berhala yang bernama ______________ untuk diletakkan di dalam ______________. Lalu memerintahkan semua penduduk agar menyembahnya.
- Agama ini merupakan agama campuran dengan agama ______________. Maka wujudlah ajaran yang ______________ Allah SWT.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Nama: ______________________ Kelas: ______________ Tarikh: ____________

# Praktis Ekstra Pelajaran 26

Keunggulan Perjuangan Khulafa Ar-Rasyidin

Lengkapkan biodata di bawah berkaitan Khulafa ar-Rasyidin.

**Abu Bakar r.a.**

(a) **Tahun lahir:** ______________________

(b) **Gelaran:** ______________________

(c) **Sifat keperibadian:**
- ______________________
- ______________________
- ______________________
- ______________________
- ______________________

(d) **Sumbangan:**
- ______________________
- ______________________

**Umar al-Khattab r.a.**

(a) **Tahun lahir:** ______________________

(b) **Gelaran:** ______________________

(c) **Sifat keperibadian:**
- ______________________
- ______________________
- ______________________
- ______________________

(d) **Sumbangan:**
- ______________________
- ______________________
- ______________________

**Uthman bin Affan r.a.**

(a) **Tahun lahir:** ______________________

(b) **Gelaran:** ______________________

(c) **Sifat keperibadian:**
- ______________________
- ______________________
- ______________________
- ______________________

(d) **Sumbangan:**
- ______________________
- ______________________
- ______________________

**Ali bin Abu Talib r.a.**

(a) **Tahun lahir:** ______________________

(b) **Gelaran:** ______________________

(c) **Sifat keperibadian:**
- ______________________
- ______________________
- ______________________
- ______________________

(d) **Sumbangan:**
- ______________________
- ______________________
- ______________________

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Nama: ____________ Kelas: ____________ Tarikh: ____________

# Praktis Ekstra Pelajaran 27 Akhlak Terpuji Hiasi Diri

**1.** Gariskan maklumat yang betul dalam pernyataan-pernyataan di bawah.

(a) Akhlak dari segi istilah bermaksud sifat yang tersemai dalam jiwa seseorang yang mendorong untuk melakukan sesuatu perbuatan tanpa sebarang pertimbangan dan pemikiran secara (mendalam, waras).

(b) Akhlak terbahagi kepada (dua, tiga) kategori.

(c) Akhlak mazmumah ialah sifat dan tingkah laku (baik, keji) yang terdapat pada diri seseorang yang (berlawanan, sejajar) dengan nilai dan perakuan syarak.

(d) Syukur dan sabar adalah contoh akhlak (mazmumah, mahmudah).

(e) Bersifat riyak dan sombong adalah contoh akhlak (mazmumah, mahmudah) dengan Allah.

**2.** Lengkapkan peta buih tentang akibat tidak memelihara akhlak.




© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Nama: ____________ Kelas: ____________ Tarikh: ____________

# Praktis Ekstra Pelajaran 28

**Amanah Tunggak Kesejahteraan**

Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai tentang cara mengamalkan sifat amanah serta kesan tidak mengamalkan sifat amanah tersebut.

**Cara mengamalkan sifat amanah dan kesan tidak amanah**

**Cara mengamalkan sifat amanah**

(a) Mematuhi ____________ dan larangan Allah

(b) Menjaga penampilan diri dan mematuhi ____________

(c) Bertanggungjawab terhadap ____________ keluarga

(d) Memastikan ahli keluarga mematuhi ____________ Allah

(e) Menghormati jiran, guru dan setiap ahli ____________

(f) Menyertai program ____________

**Kesan tidak amanah**

____________ oleh Allah

Dipandang hina dan ____________

Ahli keluarga tidak akan diberi kepercayaan menjalankan ____________

Air muka keluarga ____________

Mendapat persepsi ____________

Susah hendak ____________

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Nama: ____________________ Kelas: ____________ Tarikh: ____________

# Praktis Ekstra Pelajaran 29 Ilmu Cahaya Kehidupan

**1.** Lengkapkan rajah berkaitan contoh ilmu fardu ain dan fardu kifayah.

**Jenis ilmu**

- Fardu ain
  - (i) ____________
  - (ii) ____________
  - (iii) ____________
- Fardu kifayah
  - (i) ____________
  - (ii) ____________
  - (iii) ____________

**2.** Padankan klasifikasi berikut dengan pernyataan yang betul.

| | |
|---|---|
| A | Adab menuntut ilmu |
| B | Kepentingan beradab ketika menuntut ilmu |
| C | Akibat tidak beradab ketika menuntut ilmu |

(a) Ilmu tidak mendapat keberkatan Allah. [ ]

(b) Dipandang hina oleh guru dan rakan. [ ]

(c) Memuliakan dan menghormati guru. [ ]

(d) Meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. [ ]

(e) Ilmu yang diperoleh memberi manfaat kepada diri, keluarga dan masyarakat. [ ]

(f) Beramal dengan ilmu. [ ]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Nama: ______________________ Kelas: ______________ Tarikh: ______________

# Praktis Ekstra Pelajaran 30 Maruah Diri Cermin Peribadi

Bulatkan jawapan yang betul berkaitan cara menjaga maruah diri.

**1.** Menutup aurat bagi wanita adalah pakaian yang longgar dan menutupi seluruh anggota badannya kecuali pergelangan tangan dan ____________.

**A** mata **B** muka

**2.** Pakaian yang dipakai oleh seseorang Muslim mestilah tidak menyerupai pakaian agama lain atau ____________ yang berbeza.

**A** jantina **B** budaya

**3.** Umat Islam dianjurkan bertutur dengan intonasi dan nada suara yang sopan serta bercakap tentang perkara-perkara yang ____________.

**A** berfaedah **B** terkini

**4.** Umat Islam digalakkan menolong orang yang memerlukan seperti orang buta dan orang ____________.

**A** luar negara **B** kurang upaya

**5.** Setiap umat Islam perlu menjaga batas pergaulan antara lelaki dan perempuan seperti tidak ____________ atau berpasangan tanpa ikatan perkahwinan.

**A** berkomunikasi **B** bertepuk-tampar

**6.** Tidak ____________ dan menjaga alam sekitar adalah tanggungjawab setiap umat Islam.

**A** menzalimi haiwan **B** berkata benar

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Nama: ____________________ Kelas: ____________ Tarikh: ____________

# Praktis Ekstra Pelajaran 1 Mukmin yang Bertakwa

Susun semula potongan ayat menjadi susunan yang betul bagi ayat satu hingga lima surah al-Baqarah.

وَٱلَّذِينَ يُؤۡمِنُونَ بِمَآ أُنزِلَ إِلَيۡكَ وَمَآ أُنزِلَ مِن قَبۡلِكَ وَبِٱلۡأٓخِرَةِ هُمۡ يُوقِنُونَ 4

أُوْلَٰٓئِكَ عَلَىٰ هُدٗى مِّن رَّبِّهِمۡۖ وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡمُفۡلِحُونَ 5

الٓمٓ 1

ٱلَّذِينَ يُؤۡمِنُونَ بِٱلۡغَيۡبِ وَيُقِيمُونَ ٱلصَّلَوٰةَ وَمِمَّا رَزَقۡنَٰهُمۡ يُنفِقُونَ 3

ذَٰلِكَ ٱلۡكِتَٰبُ لَا رَيۡبَۛ فِيهِۛ هُدٗى لِّلۡمُتَّقِينَ 2

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Nama: ________________ Kelas: __________ Tarikh: __________

# Praktis Ekstra Pelajaran 2

**Memohon Kebahagiaan Hakiki**

Senaraikan ciri-ciri orang yang bertakwa di dalam peta minda di bawah.




© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Nama: ______________________ Kelas: ______________ Tarikh: ______________

# Praktis Ekstra Pelajaran 3 Maha Suci Allah SWT

Senaraikan inti sari ayat 255 hingga 257 dari surah al-Baqarah di dalam peta buih di bawah.




© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Nama: ______________________ Kelas: ______________ Tarikh: ______________

# Praktis Ekstra Pelajaran 4 Allah SWT Penguasa Mutlak

**1.** Susun semula potongan ayat menjadi susunan yang betul bagi ayat 284 surah al-Baqarah.

| | |
|---|---|
| وَإِن تُبْدُوا۟ مَا فِىٓ أَنفُسِكُمْ أَوْ تُخْفُوهُ يُحَاسِبْكُم بِهِ ٱللَّهُ ۖ | 2 |
| لِّلَّهِ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۗ | 1 |
| وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ | 4 |
| فَيَغْفِرُ لِمَن يَشَآءُ وَيُعَذِّبُ مَن يَشَآءُ ۗ | 3 |

**2.** Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul berkaitan inti sari ayat 284 hingga 286 surah al-Baqarah dan (✗) bagi yang salah.

| | |
|---|---|
| (a) Segala yang ada di langit dan di bumi milik Allah SWT dan rasul-Nya. | ✗ |
| (b) Amalan zahir ialah amalan yang dilakukan oleh anggota badan seperti ikhlas. | ✗ |
| (c) Semua rasul mempunyai akidah tauhid yang sama. | ✓ |
| (d) Setiap perbuatan manusia akan dihisab. | ✓ |
| (e) Kejahatan dan kebaikan akan dibalas dengan kebaikan. | ✗ |
| (f) Allah SWT tidak membebankan hamba-Nya dengan amalan yang tidak mampu dilakukan. | ✓ |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Nama: ____________________ Kelas: ____________ Tarikh: ____________

# Praktis Ekstra Pelajaran 5 Indahnya Tajwid

Senaraikan huruf hijaiyah pada makhrajnya dengan betul.

ا، و، ي

ت، ث، ج، د، ر، ز، س، ش، ص،
ض، ط، ظ، ك، ق، ل، ي، ن





**Huruf Hijaiyah pada Makhrajnya**





مّ، نّ

و، ب، م، ف

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Nama: ______________________ Kelas: ______________ Tarikh: ____________

# Praktis Ekstra Pelajaran 6 Segala Puji Bagi Allah

**1.** Bulatkan jawapan yang betul bagi melengkapkan terjemahan ayat 1 hingga 7 surah al-Fatihah.

(a) Dengan nama Allah SWT yang Maha Pemurah lagi Maha ______________ .

**A** Pengampun **(B)** Mengasihani

(b) Segala puji tertentu bagi Allah SWT, Tuhan yang ______________ dan mentadbirkan sekalian alam.

**A** Menguasai **(B)** Memelihara

(c) Yang Maha Pemurah lagi Maha ______________.

**(A)** Mengasihani **B** Pengampun

(d) Yang menguasai pemerintahan hari ______________(hari akhirat).

**A** penentuan **(B)** pembalasan

(e) Hanya kepada Engkau (Ya Allah) kami sembah, dan hanya kepada Engkau kami memohon ______________.

